

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]**

**SOALAN NO. 41**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk mengkaji kadar pemberian di dalam Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2002.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman **Y.B. TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI**, Pemberian Mengikut Bilangan Orang (*Capitation Grant*) berdasarkan kepada peruntukan Perkara 109(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Pemberian ini berbentuk *outright grant* yang bertujuan untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dalam perbelanjaan mengurus. Berdasarkan kepada pindaan yang diluluskan pada bulan Julai 2002 melalui Akta 622 berkuat kuasa 1 Januari 2002, kadar pemberian adalah seperti berikut :

100,000 orang yang pertama - RM7.20 seorang

500,000 orang berikutnya - RM10.20 seorang

500,000 orang berikutnya - RM10.80 seorang

Baki selebihnya - RM11.40 seorang

2. Setiap tahun, Kementerian Kewangan akan mengguna pakai data bilangan orang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi pengiraan pemberian ini. Penyaluran pemberian akan dibuat 2 kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Julai.

3. Buat masa kini, Kerajaan Persekutuan belum bercadang untuk mengkaji kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dan membantu Kerajaan-kerajaan Negeri yang lebih memerlukan bantuan seperti mana diputuskan dalam Majlis Kewangan Negara Tahun 2018.